

Untuk Siaran Segera

## Kad Memori 64 GB\* dan 48 GB\* SDXC terbaru

**Kuala Lumpur, 3 Februari 2010** – Panasonic mengumumkan kad memori SDXC 64 GB\* dan 48 GB\* yang pertama. Kad memori Panasonic SDXC RP-SDW64GG1K (64GB) dan RP-SDW48GG1K (48GB) merupakan kad GOLD bersaiz besar dengan spesifikasi kelajuan kelas 10. Ia mempunyai Pengawalan Pintar yang diperbaharui untuk membantu meningkatkan prestasi dan jangka hayat kad tersebut

Kad memori SDXC adalah kad SD generasi baru dengan tahap lebih tinggi untuk menyimpan data dari 32 GB hingga 2 terabit.

Kad memori 64 GB SDXC Panasonic berupaya merakaman video AVCHD berdefinisi tinggi, resolusi tinggi, atau gambar *format RAW*.

Apabila digunakan dengan kamkorder terbaru Panasonic HDC-TM55, kad memori SDXC 64 GB boleh merakam video dalam mod HA dengan kualiti video tertinggi sehingga 8 jam 30 minit atau apabila merakam pada 1920 x 1080i mod HE, kad memori SDXC boleh merakam video selama lebih kurang 27 jam 30 minit.

Kad memori SDXC 48 GB mempunyai keupayaan sama seperti lapisan dua '*dual layer*' cakera Blu-ray yang boleh merakam sehingga 6 jam 20 minit untuk format video HD dengan mod HA dan 20 jam 20 minit dengan mod HE.

Dengan spesifikasi kelajuan Kelas 10, kadar maksimum kelajuan pemindahan data sehingga 22MB/saat. Pengguna dapat menikmati prestasi cemerlang Kad memori SDXC Panasonic apabila menggunakan kamkorder HD atau rakaman *high speed burst* kamera digital pegun

Kad Memori SDXC 64 GB dan 48 GB, bersama dengan barisan kad memori Panasonic GOLD yang lain, menyediakan jangka hayat lebih panjang, dengan adanya Pengawalan Pintar Tertinggi (*Super Intelligent Controller*) dalam barisan Kad Memori Silver.

Dengan Super Intelligent Controller baru, semua imej dapat dibetulkan, menghalang kerosakan data dan memelihara jangka hayat data

Kad memori SDXC menggunakan teknologi terbaru direka untuk mengurangkan kesilapan yang disebabkan oleh gangguan kuasa, contohnya apabila kad memori dikeluarkan semasa pemindahan data. Kad Memori SDXC Panasonic boleh bertahan walaupun dibawah keadaan suhu - 13°F hingga 185°F\*\*.

\*1 GB = 1,073,741,824 bite. Kapasiti yang diguna akan berkurang. Kad memori SDXC hanya boleh digunakan dalam alat SDXC yang menyokong penggunaan kad memori SDXC.

\*\*Mengikut ujian Panasonic.

**Specifications**

Product Name	64 GB SDXC Memory Card	48 GB SDXC Memory card
Model No.	RP-SDW64GG1K	RP-SDW48GG1K
Suggested retail price	RM2,599	RM1,999
Memory Capacity	64 GB	48GB
Usable Capacity	61,791 MB	45,535 MB
High definition movie recording time*(AVCHD)		
HA mode 1920x1080i/17Mbps	approx. 8hr 30min.	approx. 6hr 20min
HE mode 1920 x 1080i / 5Mbps When recorded with HDC-TM55	approx. 27hr 30min.	approx. 20hr 20min
Still images recordable* (12Megapixels, 4000x3000, Normal mode)	approx. 18,240	approx. 13,470
Compliant Standard	SD Memory Card Standard Version 3.0	
File System	exFAT	
Speed Class	Class 10	

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan media: Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7874 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966  
Emel: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

Perhubungan Produk: Rayson Hoh  
Eksekutif Produk  
Digital Imaging Panasonic Malaysia  
Tel: 03-7809 76924 Faks: 03-7955 2848 Mobil: 012-765 0038  
Emel: [sweeSoon.hoh@my.panasonic.com](mailto:sweeSoon.hoh@my.panasonic.com)

###